

14/10/1998

Peruntukan promosi pelancongan ditambah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menimbang cadangan supaya peruntukan tambahan dikeluarkan bagi meningkatkan promosi pelancongan negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata Perdana Menteri turut mengarahkan sektor awam dan swasta, khususnya industri perhotelan serta agensi pelancongan memainkan peranan dalam mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama, tidak mendedahkan jumlah peruntukan tambahan yang mungkin dikeluarkan itu.

"Saya menjelaskan kepada Dr Mahathir, dengan peningkatan promosi pelancongan, peruntukan juga perlu ditambah. Perdana Menteri kata, 'kita akan cuba (dapatkan peruntukan tambahan)'," katanya petang ini.

Sebelum itu, beliau menghadiri mesyuarat khas mengenai promosi pelancongan negara yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

Sabbaruddin menjelaskan, kementeriannya tahun ini hanya menerima peruntukan RM11 juta untuk kegiatan promosi, berbanding RM46.4 juta pada 1988, RM33.8 juta (1989) dan RM28.3 juta (1990).

"Bagaimanapun, jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Taiwan (AS\$60 juta) Hong Kong (AS\$66 juta) Korea (AS\$77 juta), Filipina (AS\$28 juta) kita jauh ketinggalan... kerana mereka semua itu dinilai dalam dolar Amerika," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri menerima hakikat bahawa kegiatan promosi pelancongan negara ketika ini ialah 'pada tahap terendah' berikutan pelbagai faktor.

Dr Mahathir turut meminta pihak bertanggungjawab dalam sektor pelancongan mengenal pasti pasaran dan segmen pelancongan baru.

"Dalam mencari pasaran baru, kita juga perlu mengenal pasti konsep baru untuk mengiklankan produk kita, seperti menunjukkan lebih banyak gambar, menganjurkan sesi pengenalan dan pemasaran langsung, mungkin menerusi Internet," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir mahu industri berkenaan mengkaji kemungkinan mempromosikan pelancongan kesihatan yang ketika ini tidak wujud langsung di negara ini.

"Ketika ini tidak ada langsung iklan mengenai pelancongan kesihatan... kita patut mengiklankan hospital tempatan dengan menonjolkan gambar. Kita mempunyai kemudahan tetapi ia tidak ditonjolkan," katanya.

Perolehan daripada sektor pelancongan negara pada tahun lalu dianggarkan pada RM10.5 bilion, merosot berbanding 1996 (RM11.2 bilion) manakala jumlah pelancong tahun lalu hanya 6.2 juta orang, berbanding 7.1 juta pada 1996.

(END)